

# Calon Tunggal UniMAP Raih Saguhati Anugerah Ikon Varsiti Berita Harian



Rafiza Abdul Razak, pelajar Ijazah Doktor Falsafah di Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan berjaya meraih hadiah saguhati bagi kategori Inovasi Sosial, Anugerah Ikon Varsiti Berita Harian yang diadakan pada 27 Februari 2014 lalu.

Rafiza mempertaruhkan hasil kajiannya berhubung bahan binaan menggunakan lumpur gunung berapi di sekitar Sidoarjo dengan kerjasama penyelidik Universiti Kristian Petra, Surabaya, Indonesia. Beliau membawa pulang hadiah wang tunai RM500, plak dan sijil penyertaan.